

26 FEB 1998

Anwar-Bumiputera

KEPENTINGAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR EKONOMI TETAP DIPERTAHAN

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memberi jaminan bahawa kepentingan bumiputera dalam dasar ekonomi negara tetap dipertahankan walaupun beberapa pengubahsuaian terpaksa dibuat pada dasar sedia ada bagi membolehkan saham syarikat bumiputera dibeli oleh bukan bumiputera.

Timbalan Perdana Menteri berkata beberapa pertimbangan khusus dan kelulusan bagi membolehkan bukan bumiputera membeli saham syarikat bumiputera perlu diberikan demi kepentingan ekonomi dan masa depan syarikat bumiputera itu sendiri.

"Sementara kita melindungi kepentingan bumiputera, kita perlu menerima hakikat mengenai perlunya beberapa pengubahsuaian dibuat tetapi butirannya masih perlu diteliti," katanya ketika ditanya pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet bagi Membanteras Masalah Sosial di Bilik Gerakan Kementerian Kewangan di sini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan terpaksa membenarkan bukan bumiputera membeli saham-saham syarikat milik bumiputera bagi membantu syarikat-syarikat bumiputera yang menghadapi masalah berikutan kegawatan ekonomi pada masa ini.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata pengubahsuaian terhadap dasar ekonomi yang sedia ada itu tidak seharusnya menimbulkan kerunsingan di kalangan bumiputera kerana dasar bagi melindungi kepentingan bumiputera secara keseluruhannya tidak akan dikorbankan.

"Saya nampak banyak yang melahirkan kebimbangan. Saya ingin menjelaskan bahawa perubahan untuk membolehkan syarikat bukan bumiputera mengambil alih sebahagian (saham syarikat bumiputera) itu perlu diberi pertimbangan dan mekanismenya sedang diteliti," katanya.

Anwar berkata beliau telah mengadakan perbincangan dengan Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin, yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), pagi tadi berhubung perkara itu.

"Kita masih mencari mekanisme yang sesuai. Dasar itu (melindungi kepentingan bumiputera) jelas dan saya tidak fikir sebagai suatu dasar, kita akan menafikan perlunya suatu bentuk tindakan yang tegas, tetapi beberapa pengubahsuaian adalah diperlukan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kesan pengubahsuaian itu terhadap kepentingan bumiputera akan sentiasa diteliti bagi memastikan prinsip asas dasar yang sedia ada tidak terjejas.

Ketika ditanya sama ada pengubahsuaian yang akan dilakukan itu bersifat kekal, beliau berkata: "Sesetengah pengubahsuaian boleh bersifat kekal".

"Tetapi saya tidak fikir wajar untuk membuat sesuatu komitmen mengenai perlunya membuat perubahan sekarang dan menukarnya selepas tiga bulan atau enam bulan. Jadi saya fikir ini perlu jelas," katanya. -- BERNAMA

AH NMO